

**SOALAN NO: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) mengapa tiada penyelesaian yang efektif dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap masalah banjir di Cameron Highlands baru-baru ini sedangkan banyak cadangan yang berdasarkan faktor-faktor alam sekitar telah dibentangkan untuk membetulkan dan menangani masalah banjir ini; dan
- (b) nyatakan komitmen Kerajaan untuk menanam 1 juta pokok di Cameron Highlands.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan yang mengalami banjir lumpur pada tahun 2013 dan 2014 telah dimasukkan dalam skop projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembah Bertam yang sedang dilaksana.

Buat masa kini, Kerajaan menjalankan operasi OPS GADING yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi tujuan pengambilan semula kawasan rizab/tanah yang telah dicerobohi. Sehingga hari ini, seluas **1042.62 ekar** daripada 5580 ekar penerokaan haram tanah Kerajaan dan Hutan Simpan Kekal di Cameron Highlands telah dimusnahkan. Operasi ini akan berterusan sehingga semua penerokaan haram tanah Kerajaan dan Hutan Simpan Kekal di Cameron Highlands dihapuskan. Seramai **379 PATI** telah ditangkap menerusi ops ini.

Di samping itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) mencadangkan penggunaan Sistem Pengurusan Air Hujan yang akan mengurangkan risiko banjir kilat/lumpur kepada semua pengusaha pertanian rumah plastik.

Mengenai komitmen Kerajaan untuk menanam pokok di Cameron Highlands, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengenal pasti kawasan Hutan Simpanan Kekal seluas 526.61 hektar yang sesuai untuk dipulihkan melalui aktiviti penanaman pokok. Pada masa ini, penanaman pokok dijalankan oleh JPSM bersama JPN Pahang secara berkala dan berterusan. Di samping itu, JPSM dengan kerjasama

agensi-agensi Kerajaan, penduduk setempat, pelajar sekolah dan NGO telah dan akan menanam pokok di kawasan bekas teroka dalam Hutan Simpanan Kekal seluas 55.43 hektar.

JPSM juga telah mengadakan program penanaman pokok bersama pihak swasta di bawah Program Kerjasama Strategik Penanaman Pokok di Cameron Highlands. Program ini melibatkan tujuh (7) syarikat swasta dan penanaman pokok di empat (4) Hutan Simpanan Kekal seluas 26 hektar. Sejak Program Penghijauan Cameron Highlands dilancarkan, sebanyak 6,000 pokok pelbagai spesies telah ditanam yang terdiri daripada Medang kemangi, Podo kebal musang, Meranti bukit, Rhu bukit, Damar minyak dan Gerok.

Bagi kawasan tebing sungai yang terlibat dengan masalah banjir, JPSM akan menanam pokok selepas kerja-kerja pengukuhan dan pelebaran tebing sungai siap dijalankan oleh JPS.

Sekian. Terima kasih.